



SOALAN-SOALAN LAZIM

PENGECUALIAN FI LEWAT SERAH SIMPAN BAGI DOKUMEN BERKANUN SYARIKAT

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah tarikh pelaksanaan untuk pengecualian fi lewat serah simpan dokumen berkanun syarikat?	Tarikh pelaksanaan untuk pengecualian fi lewat serah simpanan dokumen berkanun syarikat adalah bermula pada 9 November 2020 sehingga 31 Disember 2020.
2.	Bagi syarikat yang telah dikenakan lewat serah simpan bermula pada 1 Oktober 2020 sehingga 8 November 2020, adakah pemulangan wang boleh dimohon?	Tidak. Syarikat tidak boleh memohon pemulangan wang jika syarikat telah dikenakan fi lewat serah simpan dalam tempoh tersebut.
3.	Adakah syarikat asing termasuk di dalam senarai syarikat yang dikecualikan fi lewat serah simpan?	Ya.
4.	Bagi Penyata Kewangan (PK) untuk tahun kewangan berakhir 30 April 2020, adakah syarikat masih layak mendapat pengecualian fi?	<p>Syarikat tersebut layak untuk pengecualian fi lewat serah simpan dengan syarat PK diserahkan dalam tempoh bermula 9 November 2020 dan tamat pada 31 Disember 2020.</p> <p>Walaupun terdapat pengecualian fi lewat serah simpan, jika syarikat tersebut mengedar, mengadakan mesyuarat agung tahunan (AGM) atau menyerahkan simpan PKnya pada tarikh yang lebih lewat daripada tarikh yang sepatutnya tanpa memohon lanjutan masa, syarikat tersebut telah gagal mematuhi seksyen-</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		seksyen 258, 259 dan 340 Akta Syarikat 2016.
5.	Adakah pengecualian fi serah simpan juga terpakai bagi serah simpan menerusi sistem MyCoID2016?	Ya.
6.	Syarikat telah mendapat kelulusan <i>extension of time</i> (EOT) bagi serah simpan PK sebelum ini, bagi melayakkan syarikat menikmati pengecualian sehingga 31 Disember 2020, adakah permohonan EOT bagi PK masih perlu dimajukan?	Ya. Sila patuhi PD6/2020 (Pindaan 22 Oktober 2020).
7.	Adakah Borang Pendaftaran Gadaian yang telah tamat tempoh termasuk dalam pengecualian fi lewat serahsimpan atau adakah ianya mendapat pengecualian mendapatkan perintah mahkamah (lanjutan masa)?	<p>Tidak, perintah mahkamah untuk lanjutan masa masih diperlukan.</p> <p>Borang Pendaftaran Gadaian yang telah tamat tempoh tidak akan dikenakan fi lewat serahsimpan jika diserahkan dalam tempoh bermula 9 November 2020 dan tamat pada 31 Disember 2020 tetapi ianya hendaklah dimajukan bersama perintah mahkamah (lanjutan masa) dibawah peruntukan seksyen 361, Akta Syarikat 2016.</p>

Tarikh: 9 November 2020